

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
TARIKH : 15 NOVEMBER 2021
[TAMPIN]

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan keluasan tanah yang digunakan untuk padang ragut yang produktif dan tidak produktif, dan apakah langkah Kementerian bagi mendaya majukan padang ragut yang tidak produktif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2021, jumlah keluasan rizab padang ragut yang ditawarkan kepada penternak untuk diusahakan bagi aktiviti penternakan ialah seluas 29,312 hektar. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 12,549 hektar kawasan padang ragut adalah produktif, manakala baki 16,763 hektar adalah tidak produktif.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan daya guna tanah di rizab padang ragut yang tidak produktif, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah mengambil langkah intervensi dengan menubuhkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di rizab padang ragut bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta dan penyertaan golongan sasaran dalam bidang pengeluaran makanan dan hasil ternakan.

Melalui penubuhan TKPM, MAFI menerusi DVS telah membangunkan 16 buah Ladang Satelit Nasional yang melibatkan pembinaan 72 unit kandang di tujuh (7) buah negeri iaitu di Kedah, Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor sebagai usaha untuk menggalakkan penglibatan pemain-pemain industri bagi menceburi bidang penternakan dengan kos awal operasi yang minima.

Sekian, terima kasih.